

Received: 2020-09-07

Accepted: 2020-09-27

Published 2021-04-24

PEDAGOGI BERASASKAN PENDEKATAN INDUKTIF DAN DEDUKTIF:

PRAKTIS DALAM PENDIDIKAN KEWANGAN ISLAM

PEDAGOGY BASED ON INDUCTIVE AND DEDUCTIVE APPROACHES:

PRACTICE IN ISLAMIC FINANCE EDUCATION

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (PhD)

Pensyarah Kanan, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.
tgsarina@um.edu.my

dan

Fadillah Mansor (PhD)*

*Corresponding Author, Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian
Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
fadillah@um.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan induktif dan deduktif, dan untuk menganalisis penggunaannya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bidang kewangan Islam. Huraian berkenaan pendekatan induktif dan deduktif dikemukakan secara terperinci dari aspek teori dan bagaimana ianya dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran berkaitan kewangan Islam agar ianya dapat direalisasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan pembelajaran khususnya dalam kalangan guru pengajian tinggi dengan contoh-contoh kewangan Islam sebagai kes studi. Kajian ini menunjukkan adanya hubungan antara penentuan pendekatan-pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan pendekatan-pendekatan tersebut secara berkesan yang akan mempengaruhi dapatan hasil pembelajaran kursus secara maksimum. Oleh kerana penentuan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting memandangkan peranan guru bukan hanya sekadar memindahkan ilmu dan kemahiran kepada pelajar bahkan guru berperanan untuk memastikan bahawa pelajar dapat menunjukkan kefahaman dan dapat mempraktikkan apa yang telah diajarkannya. Oleh itu, penentuan pendekatan yang betul akan memudahkan proses penggunaan pendekatan tersebut secara efektif dalam mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki. Kesimpulannya, penentuan pendekatan pengajaran yang betul membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara relevan dan selari dengan objektif pendidikan dan hasil pembelajaran kursus sebagaimana yang telah digariskan.

Kata kunci: Kewangan Islam; Pendidikan Kewangan, Pedagogi, Pengajaran dan Pembelajaran; Induktif; Deduktif

ABSTRACT

The aim of this article is to study the inductive and deductive approaches, and to analyze their practices in teachers teaching in the context of Islamic finance areas. These approaches are explained in detail based on theoretical aspects and how they can be implemented in teaching and learning process among the teachers in higher education by giving some examples of Islamic finance as a case study. This study shows the relationship between the identification of these approaches in teaching and learning with the usage of the approaches efficiently, thus it will influence to the maximum course learning outcomes. Hence, identification of the approaches in teaching and learning is vital due to the role of teachers is not only seen as transferring knowledge and skills to the students but also ensuring the students show understanding and practice the teaching inputs. Therefore, the identification of the right approach will ease the process of usage the approach effectively towards achieving the learning outcomes as required. In conclusion, the identification and the practice of teaching approach accurately will make sure the teaching and learning process are conducted relevantly and appropriately to the stated educational objectives and the course learning outcomes.

Keywords: Islamic Finance; Finance Education; Pedagogy; Teaching and Learning; Inductive; Deductive

PENGENALAN

Perkembangan dan kerancakan permintaan pasaran terhadap pengetahuan dan ilmu berkaitan kewangan Islam di peringkat domestik mahupun global telah membawa satu kesedaran tentang betapa pentingnya kewangan Islam diterokai dan dipelajari melalui penentuan pendekatan secara berkesan bermula dari peringkat awal sama ada untuk mengetahui dan menambah ilmu pengetahuan sedia ada ataupun untuk meningkatkan kefahaman tentang teori dan aplikasinya dalam dunia semasa.

Kewangan Islam merupakan ilmu yang berkait dengan sistem kewangan yang terdiri dari komponen seperti instrumen, institusi dan pasaran yang dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip kepuatan kepada Syariah dan nilai etika Islam. Ianya juga merujuk kepada segala aktiviti kewangan berkaitan pembiayaan dan pelaburan yang terdapat dalam sektor ekonomi sesebuah negara. Dalam sistem kewangan Islam, perbincangan yang menyeluruh dan terperinci meliputi instrumen, institusi dan pasaran kewangan secara Islam dalam menemukan unit kurangan dan unit lebihan dalam sektor ekonomi bagi mengerakkan segala aktiviti ekonomi mereka sama ada melibatkan tabungan, pelaburan dan pembiayaan ekuiti mahu pun hutang (Ab. Mumin & Fadillah, 2006).

Isu yang timbul di sini ialah bagaimana untuk menentukan konsep pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi ilmu ini agar ia boleh memberi impak yang besar kepada pelajar sesuai dengan kepentingan dan permintaannya yang tinggi di dalam pasaran. Sudah tentu ini memerlukan kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan agar ilmu kewangan Islam dapat dimanfaatkan secara menyeluruh dalam masyarakat bermula di peringkat bawah pengajian seterusnya sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam dan menganalisis prospek berkaitan aplikasi pendekatan induktif dan deduktif yang sesuai digunakan dalam pembelajaran dan pemudah caraan (PdPc) ilmu ini dalam usaha untuk memberi impak yang maksimum berdasarkan kumpulan sasaran yang pelbagai. Ini penting kerana aplikasi pendekatan yang betul

membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan secara berkesan dan dapat disesuaikan dengan kehendak dan kehidupan manusia yang dinamik.

Jenis-jenis pendekatan pengajaran merujuk kepada deduktif dan induktif dibincangkan secara teliti dan mendalam berhubung teori dan praktiknya dalam ilmu kewangan Islam agar implementasi pendekatan dan pengajaran tersebut dapat mencapai matlamat PdPc yang berkesan sebagaimana yang ditetapkan.

Perbincangan Mengenai Konsep dan Jenis Pendekatan

Pendekatan adalah merupakan usaha yang digunakan oleh seseorang guru untuk mendekatkan pelajar kepada pelajaran yang diajar. Proses pengajaran yang melibatkan pendekatan yang baik akan memberi kefahaman yang lebih baik kepada pelajar, seterusnya dapat membantu mereka untuk memiliki sikap tanggungjawab, berani melibatkan diri dalam proses PdPc dan mengembangkan kemahiran pemikiran secara kritis (Muhalili, 2019; Suhailiza, Dini & Kareelawati, 2018). Oleh itu dalam membincangkan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran, seorang guru harus mengetahui teori-teori yang berkaitan dengan pendidikan supaya objektif penggunaan pendekatan akan tercapai. Dalam proses pengajaran, guru perlu (a) mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi, (b) kreatif, inovatif serta berupaya menggunakan pendekatan pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian, (c) mampu memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar, (d) menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, (e) mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria, serta menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna (Ab Halim Tamuri, Kamarul Azmi Jasmi & Muhamad Faiz Ismail, 2012).

Mok Soon Sang (2001) mengatakan pendekatan ialah cara mendekati sesuatu mata pelajaran. Ia adalah cara bagaimana suatu mata pelajaran diajar berdasarkan objektifnya. Oleh itu, ia merupakan satu set teori yang sistematik. Manakala menurut Edward dan Jack (1974), pendekatan merupakan satu set andaian yang saling berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai unsur aksiomatik. Unsur aksiomatik merupakan kenyataan yang dianggap benar tanpa memerlukan sebarang bukti atau alasan. Pendekatan juga bermaksud mendekatkan sesuatu perkara dalam bidang pendidikan dan setiap pendekatan hendaklah mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pembelajaran (Edward & Jack, 1974).

Pendekatan pengajaran sangat bergantung kepada individu yang menggunakaninya. Sekiranya individu yang menggunakaninya cekap, maka lebih berkesanlah pendekatan tersebut dan begitulah sebaliknya. Pendekatan yang dipilih akan menyediakan pelbagai peluang kepada individu tersebut untuk lebih memahami bentuk penyampaian yang lebih efektif bersesuaian dengan pengajaran. Pengaplikasian bentuk pendekatan yang tepat juga akan dapat membantu proses merancang, mengurus dan menjalankan aktiviti pengajaran dengan lebih berkesan (Tengku Sarina Aini, 2014). Justeru, seseorang guru mahupun pemudahcara dalam PdPc perlulah mempunyai kemahiran yang cukup dalam menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran yang berbeza.

Pendekatan yang bersesuaian perlu digunakan bagi menyediakan pelajar dengan pelbagai peluang untuk lebih bertanggungjawab dalam pembelajaran mereka (Kamarul Azmi

Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2012). Perkara penting yang perlu dilakukan adalah menyesuaikan pendekatan tersebut dengan kehendak dan kehidupan manusia yang dinamik. Dalam artikel ini, pendekatan pengajaran dan pembelajaran dibahagikan kepada dua iaitu pendekatan induktif dan pendekatan deduktif.

Pendekatan Induktif

Pendekatan induktif merupakan cara penyampaian guru dari yang mudah kepada yang lebih kompleks atau dari pengajaran yang berbentuk konkret kepada bentuk yang lebih abstrak. Ia adalah suatu cara bagaimana seorang guru mengajar atau menyampaikan pengajaran secara satu-satu bab dengan memberikan contoh-contoh terlebih dahulu sebelum menghuraikan topik tersebut secara lebih terperinci.


Ia juga merupakan satu pendekatan proses penaakulan yang tinggi, di mana pelajar tidak didedahkan dengan proses pengajaran secara langsung (Syarifah Alawiyah, 1992). Ini bermakna mereka tidak didedahkan tentang isu-isu lain yang berkaitan dengan tajuk perbincangan dan topik yang diajar, sebaliknya mereka digalakkan mencari, meneliti dan mempelajarinya sendiri (Kamarudin, 1993). Pendekatan ini akan dimulakan dengan sesuatu sebab atau contoh, seterusnya menuju ke arah generalisasi. Guru-guru akan menyusun dan mengumpulkan contoh-contoh daripada teks, menunjukkan dan menerangkan bagaimana ia bekerja dan berfungsi seterusnya membantu pelajar untuk menghasilkan satu kumpulan yang sesuai (Thornbury, 1999).

Dalam konteks pengajaran kewangan Islam misalnya pelajar didedahkan dengan isu berkaitan jenis-jenis bon dan proses penerbitan bon konvensional di dalam pasaran modal adalah tidak selari dengan prinsip Syariah. Seterusnya pelajar diminta untuk membincangkan isu tersebut dan seterusnya memberi jalan penyelesaian dalam konteks perbincangan dari aspek perbezaan antara bon konvensional dan bon Islam atau suuk (Muhammad Ayub, 2007). Dalam hal ini, pelajar perlu mempunyai pengetahuan khusus dahulu berkenaan subjek kajian, seterusnya pelajar akan merumuskan dalam konteks umum berdasarkan contoh khusus tadi. Ini akan membawa kepada rumusan akhir bahawa proses penerbitan bon secara Islam perlu mematuhi kerangka patuh Syariah dan terhindar bukan sahaja dari riba, gharar dan maisir malah memenuhi kriteria penting sesuatu instrumen yang ‘standardized’seperti mudah tunai dan boleh diniagakan (Ab. Mumin & Fadillah, 2006). Dengan itu pelajar didedahkan dengan proses pembelajaran secara tidak langsung dan mereka perlu menyelesaikan isu-isu yang diberikan oleh guru berdasarkan kaedah perbincangan, soal jawab dan lain-lain yang lebih bersifat dua hala di antara guru dan pelajar.

Manakala Eggen dan Kauchak (2001) pula menerangkan bahawa pendekatan induktif merupakan strategi pengajaran yang mendahuluikan data sebelum mengemukakan konsep atau generalisasi. Sehubungan dengan ini, mereka telah memperlihatkan model pengajaran dan menganalisis kajian berdasarkan pendekatan induktif sebagaimana yang boleh dirumuskan dalam Rajah 1, sebagaimana berikut:

Berdasarkan kepada model di bawah, pendekatan ini tidak menggalakkan guru untuk memberikan definisi, penerangan, penjelasan dan penghuraian isi kandungan secara keseluruhan. Guru juga tidak seharusnya memberitahu kepada pelajar tentang objektif

pengajaran pada awal pengajaran. Sebaliknya pendekatan ini memerlukan guru yang sentiasa aktif mengemukakan soalan-soalan, bertanya dan berbincang, memerhati dan mengkaji, membentuk contoh-contoh dan sebagainya. Kebiasaan pelajar memperolehi pembelajaran secara aktiviti sendiri melalui pembelajaran meneroka, meneliti dan mengkaji, kemudian mengemukakan rumusan hasil daripada kajian-kajian yang telah dilakukan.




Rajah 1: Model Pendekatan Induktif

Pendekatan ini juga memberi peluang sepenuhnya kepada pelajar untuk mendapat pengalaman belajar di bawah bimbingan guru dan menekankan kepada kepentingan penglibatan pelajar secara aktif supaya mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan berkesan. Para pelajar juga akan mengalami satu proses mental iaitu mereka dapat memerhati contoh-contoh tertentu dan kemudian membuat satu peraturan umum (generalisasi) yang berkaitan dengan kebenaran fakta yang diperhatikan melalui proses induksi (Brian, 1982).

Antara contoh lain seperti pelajar diminta membuat gerak kerja di dalam kumpulan dan setiap kumpulan diminta membincangkan topik-topik yang tertentu. Misalnya, topik berkenaan dengan kad kredit Islam dan perbezaannya dengan kad kredit konvensional. Dari tajuk tersebut pelajar diminta untuk mengkaji dan membuat rumusan hasil. Sudah tentu akan lahirlah persoalan-persoalan yang berkaitan dengan tajuk itu yang seterusnya membawa kefahaman secara menyeluruh kepada pelajar tentang produk kad kredit Islam, ciri-ciri kad kredit Islam, prinsip Syariah yang digunakan di dalam kad kredit Islam, perbezaan kad kredit Islam berbanding kad kredit konvensional dan lain-lain lagi yang berkait dengan objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan.

Seterusnya, perkembangan topik akan menjurus misalnya penggunaan kad kredit membawa kepada definisi apa itu kad kredit. Kamus Dewan mendefinisikan kad kredit sebagai kad yang menunjukkan keterangan seperti nama, tandatangan dan nombor kad pemegangnya yang membolehkan pemegang kad tersebut membuat pembelian barang atau perkhidmatan secara kredit (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000). Dari segi takrifan Majma` al-Fiqh pula, kad kredit merupakan satu bentuk penyata sandaran (penyata kewangan) yang diiktiraf yang membolehkan pemegang kad tersebut membuat pembelian barang atau perkhidmatan dari semua pihak yang mengiktiraf kad tersebut tanpa perlu membuat pembayaran tunai secara segera oleh pemegang kad kerana kad tersebut mengandungi jaminan pembayaran daripada pihak pengeluar kad (____, t.t.). Penjelasan mengenai aktiviti dan huraian berkenaan tajuk kajian dapat dikembangkan sebagaimana dalam Rajah 2.



Rajah 2: Contoh aplikasi pendekatan induktif dalam pendidikan kewangan Islam mengenai kontrak dan produk kad kredit Islam.

Seterusnya, penerangan ini akan membawa kepada perbincangan pengajaran berkaitan sejarah perkembangan kad kredit Islam, misalnya dalam konteks Malaysia, ianya telah bermula apabila kad kredit Islam pertama mula diperkenalkan pada tahun 1996, oleh Kumpulan

AmBank Berhad, yang juga merupakan peneraju kad bank Islam yang pertama di rantau Asia Tenggara. Syarikat perbankan ini telah memulakan operasi kad kredit ini dengan memperkenalkan produk sulungnya dalam bidang kad kredit Islam yang dinamakan kad kredit *al-taslif*. Kemudian, pada 23 Julai 2002, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pula memperkenalkan produk kad kreditnya iaitu KBI MasterCard Gold, KBI MasterCard Classic, KBI Visa Gold dan KBI Visa Classic (Fadillah, 2004). Akhirnya, dari sini pelajar dapat merungkai perbezaan antara kedua-dua kad kredit ini dan merumuskan secara umum sebab dan kenapa ianya diharamkan ataupun diharuskan dengan mengaitkannya kepada pembangunan produk atau instrumen dalam konteks kewangan Islam. Prinsip umum kewangan Islam adalah patuh Syariah dan untuk memastikan kepatuhan kepada Syariah, sesuatu produk itu perlulah bebas dari elemen-elemen utama yang diharamkan, iaitu *riba*, *gharar* dan *maisir* serta aktiviti non-halal yang lain (Ahmad Sufyan, 2006, Fadillah Mansor et al. 2020).

Selain itu, pendekatan induktif memerlukan guru yang boleh memainkan peranan untuk menyediakan satu strategi penyoalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cara ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk membentuk konsep dan seterusnya membuat generalisasi sebagaimana yang dikehendaki. Sebelum memulakan pengajaran, guru perlu terlebih dahulu memahami idea keseluruhan pelajaran. Guru kemudian mengemukakan contoh atau ilustrasi yang telah dipilih kepada pelajar. Kemudian, guru meminta pelajar membuat sebanyak mungkin rumusan atau membentuk konsep-konsep berdasarkan contoh yang dikemukakan (Brian, 1982). Seterusnya pendekatan ini memerlukan guru untuk menguji kemahiran intelektual para pelajar dengan kaedah penyoalan supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi berkesan.

Oleh itu, pendekatan jenis ini adalah sesuai digunakan dalam konteks pengajaran ilmu kewangan Islam khususnya di tahap pengajian tinggi kerana ia menggalakkan pelajar untuk berfikir apakah perkaitan yang ada di antara satu perkara dengan perkara yang lain. Misalnya guru memberi topik pengajaran secara khusus iaitu berkenaan pasaran modal Islam kepada pelajar. Pelajar disoal tentang apa itu pasaran modal Islam dan bagaimana untuk mempraktikkannya dalam topik yang lebih umum, iaitu dalam konteks sistem kewangan Islam yang ada sekarang. Sudah tentu lontaran soalan oleh guru akan menguji kemahiran intelektual dalam proses pembelajaran para pelajar tentang isu-isu khusus mengenai kewujudan pasaran modal Islam, prinsip Syariah yang digunakan dalam konteks pasaran modal itu, instrumen-instrumen yang terlibat di dalam pasaran modal Islam dan seterusnya ini akan membawa kepada isu umum tentang kepentingan dan peranan pasaran modal Islam dalam konteks pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia.

Kesimpulannya, sebagai panduan, guru perlu memainkan peranan dengan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya apabila menggunakan pendekatan jenis ini. Antara langkah tersebut ialah sebagaimana berikut (Syarifah Alawiyah, 1992):

- i. Sesuatu permasalahan dikemukakan dan ditakrifkan.
- ii. Pelbagai hipotesis dikemukakan.
- iii. Prosedur-prosedur dibentuk untuk menguji setiap hipotesis atau penyelesaian satu demi satu dan perkara-perkara yang tidak diuji harus dikawal.
- iv. Data dikumpul dengan cara yang sistematik.
- v. Perkara-perkara atau hubungan-hubungan dalam data tersebut dicari.


- vi. Kesimpulan dibuat berdasarkan kepada bukti yang ada.
- vii. Keputusannya digunakan untuk menyelesaikan masalah yang sama atau situasi yang sama.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pendekatan induktif ini menekankan kepada proses-proses pencarian atau penemuan menerusi kegiatan memerhati, mengkaji, menyelidik, menganalisis sesuatu rumus atau aspek pembelajaran di peringkat awal kemudian membentuk kesimpulan umum berdasarkan data-data yang telah dipelajari. Dalam konteks pengajaran kewangan Islam, pendekatan ini lebih sesuai untuk pelajar tahap tinggi iaitu mereka yang telah mempunyai pengetahuan asas kerana prosesnya yang bersifat khusus kepada umum.

Pendekatan Deduktif

Pendekatan deduktif bermaksud corak pengajaran guru yang membimbing pelajar untuk menerima proses pemindahan ilmu melalui fakta yang diberi secara umum atau generalisasi, kemudian bergerak kepada contoh-contoh atau kaedah penggunaannya (Brian, 1982). Terdapat tiga asas yang utama dalam pendekatan deduktif iaitu pertama; pembelajaran deduktif bermula dengan persempahan atau penerangan daripada guru. Kedua; guru memberikan contoh dengan mengaitkan isu penting; dan akhir sekali pelajar meneruskan proses pembelajaran dengan memberikan contoh-contoh di akhir pengajaran (Thornbury, 1999). Ia dimulakan dengan guru memberikan definisi konsep atau generalisasi tentang unsur-unsur yang akan dipelajari, kemudian barulah diikuti dengan ilustrasi dan contoh-contoh yang berkaitan dengan tajuk perbincangan (Thornbury, 1999).

Di sini, pelajar akan menerima proses pembelajaran dengan cuba menyelesaikan permasalahan atau menganalisis sesuatu fakta yang diberikan oleh guru. Maklumat atau fakta yang diberikan kepada pelajar lebih berbentuk generalisasi dan seterusnya peranan pelajar adalah dikehendaki menghuraikan fakta tersebut kepada sesuatu kenyataan yang lebih khusus. Proses menganalisis kajian dan pengajaran berdasarkan model deduktif ini dapat dirumuskan dalam model seperti dalam Rajah 3 (Brian, 1982):



Rajah 3: Model Pendekatan Deduktif

Dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan ini, pelajar akan menuju ke suatu fakta dengan menggunakan peraturan, formula, maklumat-maklumat tertentu secara generalisasi yang telah diterima terlebih dahulu. Dalam hal ini, sewaktu belajar, pemikiran pelajar akan bergerak daripada peraturan-peraturan yang umum kepada yang khusus.

Dalam konteks pengajaran dan pendidikan kewangan Islam, pendekatan ini membolehkan perbincangan berkaitan konsep dilakukan dalam kerangka yang lebih besar dan seterusnya menjurus kepada yang lebih khusus berasaskan interaksi antara guru dan pelajar. Misalnya guru menerangkan dan menghuraikan sesuatu topik seperti kenyataan umum perspektif kewangan Islam berdasarkan keperluan kepada pembiayaan dana oleh unit lebihan dan unit kurangan dalam sistem ekonomi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi. Dalam hal ini terdapat dua cara untuk memenuhi pembiayaan tersebut iaitu melalui pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Pembiayaan ekuiti dibuat melalui prinsip Syariah berdasarkan kontrak mudharabah dan musyarakah. Manakala pembiayaan hutang dilakukan berdasarkan kontrak bai bithaman ajil, bay murabahah, al-ijarah, bai salam, bai istisna' dan lain-lain. Berdasarkan penerangan oleh guru tadi, pelajar dikehendaki menjelaskan dan menerangkan secara lebih terperinci tentang fakta-fakta utama tentang tajuk tersebut.

Contoh ini juga bersesuaian dengan pandangan Ahmad Mohd. Salleh (2004) yang mengatakan bahawa pendekatan deduktif merupakan satu pendekatan mengajar yang mengasaskan pengajaran dan pembelajaran pelajar kepada hukum-hukum tertentu. Dalam pendekatan ini, sesuatu pembelajaran itu akan dimulakan dengan melihat hukum-hukum atau mempelajari peraturan-peraturan tertentu, dan dari sini pembelajaran itu diteruskan dengan mengaplikasikan peraturan-peraturan yang telah diberi untuk menuju ke suatu fakta.

Pendekatan ini boleh dilihat dalam konteks pengajaran kewangan Islam berasaskan contoh ini. Para pelajar diterangkan tentang hukum, prinsip atau peraturan kepada sesuatu, misalnya berkenaan dengan prinsip-prinsip asas yang perlu ada dalam sistem kewangan Islam. Ab. Mumin (1999) prinsip asas kewangan Islam perlu meliputi perkara-perkara berikut iaitu:

- i. Menghindari dari segala aktiviti yang terlibat dengan riba dalam semua urusan. Implikasinya di sini, aktiviti-aktiviti pelaburan hendaklah berasaskan kepada perkongsian untung rugi dan tidak dibenarkan langsung mengambil kira sebarang bentuk faedah atau riba dalam kes-kes hutang atau pinjaman.
- ii. Semua aktiviti pelaburan perlulah mengikut lunas-lunas dan prosedur yang telah digariskan dalam konteks muamalah, iaitu berdasarkan kontrak-kontrak Syariah, antaranya seperti bay` al-murabahah, al-ijarah, al-rahnu, al-wakalah, al-ju`alah, al-wadi`ah dan seumpamanya.
- iii. Aktiviti atau projek perniagaan hendaklah berasaskan kepada perkongsian dan penyertaan bersama dalam proses pengeluaran dan bukannya berasaskan kepada hutang dan pinjaman. Dalam hal ini, bank-bank dan institusi kewangan Islam disarankan agar turut serta dalam aktiviti atau projek yang dirancang sama ada sebagai pengusaha ataupun rakan kongsi.

Dari prinsip-prinsip asas tadi, pelajar perlu mengaplikasikan hukum tertentu merujuk kepada kerangka asas-asas tersebut dalam konteks kewangan Islam secara praktikal berdasarkan contoh-contoh instrumen seperti produk sukuk yang ada dalam pasaran kewangan sama ada ianya bertepatan dengan asas-asas yang ditetapkan dalam sistem kewangan Islam atau sebaliknya. Produk sukuk lebih dikenali dengan nama bon Islam merujuk kepada sijil pelaburan yang diterbitkan bagi tujuan untuk mengumpul dana untuk membiayai sesuatu projek atau aktiviti kewangan (Obiyathulla & Mirakhori, 2013).

Berdasarkan kepada pelaksanaan model pendekatan deduktif dalam Rajah 3, asas-asas ini boleh dimasukkan dalam perlaksanaan dalam konsep atau generalisasi dan produk sukuk pula merujuk kepada contoh atau ilustrasi instrumen tersebut. Dengan kata lain, produk sukuk perlulah memenuhi prinsip-prinsip asas yang telah diterangkan tadi untuk membolehkannya dikategorikan sebagai produk patuh Syariah. Ilustrasi produk seperti dalam Rajah 4 dapat menjelaskan lagi mengenai penggunaan pendekatan deduktif dalam menerangkan perlaksanaan produk sukuk.


Oleh itu, penggunaan pendekatan deduktif ini amat penting di dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ianya dapat membantu guru untuk menggambarkan dengan lebih jelas tentang objektif dan matlamat sebenar pengajaran. Dengan itu pelajar dapat menunjukkan kefahaman mengenai perkara asas tentang sesuatu topik dan seterusnya boleh mengaplikasikannya dalam konteks yang lebih khusus, misalnya untuk menyelesaikan persoalan yang berkait dengan topik umum tadi.

Berdasarkan pemahaman pelajar tentang objektif tersebut yang bersifat umum, pelajar seterusnya dibimbing untuk memahami dengan lebih jelas tentang topik pembelajaran dan seterusnya mengadaptasikan input yang diberikan oleh guru untuk melahirkan proses pembelajaran yang berlainan iaitu input lain yang berkait dengan topik umum tadi. Pendekatan deduktif sebegini amat sesuai kepada para pelajar tahap awal yang ingin mengenalpasti dan memahami tentang ilmu kewangan Islam.

Pendekatan deduktif ini boleh juga digunakan dalam contoh berikut, misalnya apabila pelajar didedahkan tentang objektif umum kewangan Islam dan pelajar dapat menunjukkan kefahaman mengenainya.. Objektif tersebut adalah sebagai berikut (Othman, 1993):

- i. mengumpul modal yang mencukupi bagi pengeluaran, penggunaan dan pertukaran berdasarkan prinsip-prinsip Syariah.
- ii. mengagihkan modal kepada sektor-sektor yang benar-benar memerlukan dan boleh membawa faedah kepada masyarakat keseluruhannya.
- iii. menentukan kestabilan harga dengan membuang elemen-elemen haram seperti riba, maysir dan gharar.
- iv. menentukan keadaan ekonomi yang makmur dan bersih dari segala kesempitan dharuri di peringkat individu.
- v. mewujudkan keadilan dan ihsan dalam sistem ekonomi.

Di samping itu, pendekatan ini juga turut memudahkan para pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran kerana mereka berpeluang untuk menghuraikan permasalahan dan fakta yang ada ke dalam bentuk pemahaman dan pengolahan yang lebih bersifat khusus dan terperinci. Sebagai contoh, para pelajar diberi penerangan tentang objektif pembelajaran adalah untuk



Rajah 4. Pendekatan deduktif dalam pendidikan kewangan Islam berkaitan sukuk.

memahami tujuan diwujudkan sistem kewangan Islam. Dengan itu, guru akan menerangkan serba ringkas bahawa sejarah sistem kewangan Islam di Malaysia dan kewujudannya bertujuan untuk membangunkan satu sistem kewangan yang komprehensif meliputi segala aktiviti-aktiviti kewangan yang menyokong sepenuhnya keadilan dan kesaksamaan dalam sistem ekonomi dan seterusnya diterangkan bagaimana ia boleh beroperasi secara seiring dengan sistem kewangan konvensional sedia ada. Berdasarkan penerangan guru itu, pelajar boleh meneliti dan memahami tajuk secara lebih mendalam dengan melihat secara khusus tentang fakta-fakta yang berkaitan iaitu tentang instrumen, institusi dan pasaran dalam konteks sistem kewangan Islam dan seterusnya mempraktikkan proses pembelajaran yang lain seperti membandingkan fakta tersebut dalam konteks sistem kewangan konvensional.

Aplikasi pendekatan ini dalam konteks pengajaran ilmu kewangan Islam amat penting kerana iaanya mendorong dan menggalakkan pelajar mengembangkan minat dan daya intelek berasaskan keupayaan seseorang pelajar. Dengan kata lain, perbezaan yang terdapat pada setiap individu pelajar diambilkira dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru. Ini bertepatan dengan kenyataan bahawa setiap pelajar adalah berbeza daripada segi intelek, minat, kecekapan dan daya cipta. Oleh itu, bagi menyesuaikan perbezaan individu pelajar berkenaan, pendekatan deduktif adalah sesuai kerana pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk menghuraikan dan menganalisis sesuatu mengikut kefahaman dan kesediaan diri.

Melalui pendekatan ini juga, pelajar tentunya akan lebih kreatif dalam membentuk pendapat dan pemikiran tentang ilmu kewangan Islam sama ada dari segi penerangan asas seperti objektif kewangan Islam mahupun dalam konteks struktur sistem kewangan Islam yang terdiri dari tiga komponen utama, iaitu instrumen, institusi dan pasaran. Ini membolehkan pelajar bukan sekadar dapat menunjukkan kefahaman mengenai kewangan Islam secara umum, malah dapat mempraktikkannya berdasarkan pelaksanaan sistem semasa. Apabila pelajar telah berjaya menunjukkan kefahaman yang jelas mengenai sistem kewangan Islam sebagai sistem kewangan patuh Syariah meliputi komponen instrumen, institusi dan pasaran, dan secara tidak langsung dikaitkan sistem tersebut secara terperinci dalam mengerakkan segala aktiviti perniagaan khususnya untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan pelaburan antara unit lebihan dan unit kurangan dalam sesebuah ekonomi,

Seterusnya, pelajar didekahkan tentang ilmu prasyarat dalam sesebuah sistem kewangan secara umum, iaitu mestilah meliputi ciri-ciri tertentu seperti kepelbagaian instrumen kewangan, kewujudan institusi kewangan dan perbankan yang banyak dan pelbagai di samping mempunyai mekanisme pasaran yang lengkap bagi menghubungkan institusi dan instrumen ataupun produk dalam konteks pasaran kewangan semasa (Dwight et al., 2001). Akhirnya, berdasarkan pengetahuan kewangan Islam secara holistik yang dipelajari, pelajar dapat mempraktikkan ilmu kewangan Islam tersebut dalam kehidupan sehari-hari misalnya apabila melakukan urusan perniagaan mahupun melakukan transaksi di institusi perbankan.

Dalam penggunaan pendekatan ini, pelajar juga boleh ditanya tentang bagaimana untuk mempraktikkan prasyarat dalam konteks sistem kewangan Islam secara lebih khusus meliputi ciri-ciri dan contoh spesifik bagi setiap komponen sistem tersebut. Ini sudah tentu mengajak pelajar untuk berfikir dan seterusnya mengemukakan pendapat dan para guru sudah tentu dapat menilai pelajar dari segi tahap intelek, minat dan kreativiti setiap individu pelajar tersebut secara lebih holistik.

Sebagai contoh spesifik kepada komponen pasaran, pelajar didedahkan kepada konsep asas iaitu ianya merujuk kepada pasaran atau platform yang menyediakan pelaburan dan pembiayaan jangka panjang dengan syarat produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan mestilah patuh kepada prinsip Syariah. Seterusnya, pelajar akan didedahkan dengan pasaran dalam konteks pasaran modal Islam. Malaysia dikenali sebagai negara pelopor dalam perkembangan produk pelaburan sekuriti patuh Syariah khususnya berkaitan pasaran modal Islam sejak pelaksanaan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia yang bermula sejak 1960an lagi (Mohd Azmi Omar et al. 2013, Fadillah Mansor et al. 2020). Akhirnya, para pelajar dapat menggabungjalin antara konsep dan struktur sistem kewangan Islam dengan menfokuskan Malaysia sebagai kes studi dalam mempelopori pembangunan sistem kewangan Islam, dan perincian seterusnya adalah kepada komponen pasaran modal Islam dan produk pelaburan yang menjadi subset kepada struktur kewangan Islam yang tersebut. Oleh itu, pendekatan deduktif adalah sesuai bagi topik ini kerana ianya memberi peluang kepada pelajar untuk menghuraikan dan menganalisis sesuatu secara umum kepada lebih khusus mengikut kefahaman masing-masing.

Dari segi aplikasinya, proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan deduktif boleh dilakukan secara berkesan melalui adaptasi langkah-langkah berikut:

- i. Mengajar sesuatu topik berdasarkan kepada sesuatu hukum. Ini dilakukan dengan cara guru akan memulakan proses pengajaran secara umum iaitu menerangkan sesuatu tajuk atau topik secara konsep terlebih dahulu sebelum meminta pelajar untuk memperincikan tajuk tersebut dan mengemukakan contoh-contoh yang berkaitan.
- ii. Menyelesaikan sesuatu masalah. Caranya ialah dengan berpandukan kepada tajuk yang diajar, pelajar akan didedahkan dengan kemahiran menyelesaikan masalah dan keupayaan untuk memberikan penghuraian topik secara terperinci.
- iii. Menganalisis fakta yang membentuk generalisasi supaya mempunyai kaitan dengan fakta yang lain. Di sini, pelajar akan diminta untuk membentuk generalisasi terhadap satu tajuk atau topik atau membentuk perkaitan topik tersebut dengan topik yang lain.

KESIMPULAN

Penentuan pendekatan yang sesuai dalam pengajaran adalah sangat penting kerana penentuan pendekatan pengajaran yang betul dapat menjamin keberkesanan dan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu kursus. Dalam artikel ini, hasil perbincangan dapat menunjukkan kepentingan pendekatan induktif dan deduktif dan kesesuaian kedua-dua pendekatan tersebut dalam praktis pembelajaran kewangan Islam. Ianya berkesan baik dari aspek teori mahupun aplikasinya dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Secara terperinci, terdapat bukti yang menyokong pendekatan induktif adalah sesuai untuk topik kewangan Islam yang lebih spesifik dan mendalam, iaitu yang menjurus kepada tahap pengajian peringkat tinggi. Manakala pendekatan deduktif adalah sesuai dalam praktis

pembelajaran kewangan Islam pada tahap awal pengajian pelajar, iaitu lebih menjurus kepada perkara asas berkaitan dengan falsafah dan konsep. Selain itu, artikel ini juga dapat menjelaskan kesesuaian penggunaan pedagogi yang berkesan dalam memastikan hasil pembelajaran sesuatu kursus boleh dicapai. Oleh itu, adalah wajar bagi guru untuk menentukan dan mempraktikkan pendekatan yang bersesuaian dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran, supaya apabila iaanya dilaksanakan, ia dapat memberi impak yang maksimum kepada mereka yang mendengar.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Malaya, di bawah geran penyelidikan GPF007L-2018 dan GPF004L-2019.

RUJUKAN

- _____, (t.t), *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islahiy*. Jilid 7, Beirut: t.p., p. 717.
- Ab Halim, T., Kamarul Azmi, J. & Muhamad Faiz, I. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam, *GJAT*, Vol. 2(2), h. 53-63.
- Ab Mumin, A. G. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Ab. Mumin, A. G. & Fadillah, M. (2006). Struktur Sistem Kewangan Islam di Malaysia dalam Ab. Mumin, A. G. & Fadillah, M. (Eds), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad, M. S. (2004). *Pendidikan Islam:Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran* . Selangor: Fajar Bakti.
- Ahmad Sufyan, C. A. (2006). Beberapa Prinsip Ijtihad dalam transaksi Kewangan Islam Semasa: Antara Fleksibiliti dengan Kekangan, dalam Ab. Mumin, A. G. & Fadillah, M. (Eds), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2000). *Kamus Dewan*. Ed. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dwight H. Perkins, Steven Radelet, David L. Lindauer & Steven A. Block (2001). *Economic of Development*, ed. ke-5, New York: Norton & Company Inc.
- Edward M. A. & Jack C. R. (1974). “Reading, Insights and Approaches,” *papers from the RELC Seminar on Recent Developments and Research in Reading Relevant to the Teaching and Learning of English in Southeast Asia, Singapore, July 23-27*.
- Eggen, P., & Kauchak, D. (2001). *Educational psychology: Windows on classrooms* (5th ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

- Fadillah, M., M. Ishaq, B., Shafiqur, R. dan Hung, Q. D. (2020), The Investment Performance of Ethical Equity Funds in Malaysia. *Journal of Risk and Financial Management*, 13 (9), h. 1-14.
- Fadillah, M. (2004). Produk Kad Kredit Islam dan Aplikasinya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), *Jurnal Syariah*, 12(1), h. 114-115.
- Kierzek, J.M. (1954). *The Macmillan Handbook of English*. New York: Macmillan.
- Kamarudin, Hj. H. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kamarul Azmi, J. & Ab. Halim, T. (2012). *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mook, S. S. (2001). *Psikologi Pendidikan untuk Diploma Perguruan Semester 1*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mohd Azmi, O., Muhamad Abdurahman, and Raditya, S. 2013. *Fundamentals of Islamic Money and Capital Markets*. Hoboken: John Wiley and Sons.
- Muhaili. (2019). Pembelajaran Inovatif Abad Ke-21. *Jurnal Penelitian dan Pengkajian Ilmu Pendidikan: E-Saintika*, 3(2), h. 25-50.
- Muhammad Ayub (2007). *Understanding Islamic Finance*, England: John Wiley & Sons Ltd.
- Obiyathulla Ismath, B. & Abbas, M. (2013). *Islamic Capital Markets, A Comparative Approach*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Othman, Y. (1993). *Pasaran Dan Institusi Kewangan Di Malaysia: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seaton, B. (1982). *A Handbook of English Language Teaching Terms and Practice*. London: Macmillan Press.
- Suhailiza, M. H., Dini Farhana, B., Nur Kareelawati, A. K. & Eizan Azira, M. S. (2018). Menerokai Model Pendidikan Seimbang Mendepani Abad Ke 21. *E-Proceeding International Seminar on Islamiyyat Studies 2018*, 1(2), h. 24-32.
- Syarifah Alawiyah, Al-S. (1992). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Longman.
- Tengku Sarina Aini, T. K. (2014). Transformasi Pendidikan di Malaysia: Implikasi terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam Muhsin Lukman, I. et al. (Eds.), *Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Thornbury, S (1999). *How to Teach Grammar*. Harlow: Longman.